

POLISI KETEKUNAN WAJAR (DUE DILIGENCE)

MAJLIS DAERAH BERA

PENDAHULUAN

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan oleh Kementerian Pahang hendaklah menyemak sijil-sijil berkaitan seperti Sijil Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB); Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK); Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan sijil-sijil berkenaan hendaklah masih berkuat kuasa.

OBJEKTIF

Polisi ini bertujuan untuk:

- a) Memastikan semua keputusan dibuat berdasarkan maklumat yang lengkap dan sahih;
- b) Memastikan pematuhan kepada undang-undang dan pekeling semasa;
- c) Mengungkapkan rrisiko kewangan, operasi dan reputasi; dan
- d) Mencegah rasuah dan salah guna kuasa.

SKOP

Polisi ini terpakai kepada:

- a) Semua bahagian dan unit dibawah Majlis Daerah Bera; dan semua pihak berkepentingan, pelanggan dan rakan strategik
- b) Termasuk kontraktor, pembekal dan perunding.

MAKSUD KETEKUNAN WAJAR (DUE DILIGENCE)

Proses sistematik melibatkan pengumpulan, pengesahan, analisis dan penilaian maklumat sebelum sesuatu keputusan dibuat bagi memastikan ketepatan, pematuhan dan pengurusan risiko yang berkesan.

PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR

1. Proses Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat

Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia bagi Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2021), bagi maksud ketekunan wajar, MDB akan menyemak dan menilai maklumat-maklumat yang berikut:

- a) Disahkan dalam perkhidmatan;
- b) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- c) Diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
- d) Bebas dari hukuman tatatertib;
- e) Telah mengisytiharkan harta;
- f) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- g) Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- h) Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga.

PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR

2. Lantikan Pembekal/ Kontraktor secara pembelian terus

- a) Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan oleh Kementerian Kewangan berhubung Perolehan Kerajaan, MDB hendaklah membuat semakan harga melalui kajian pasaran dan prestasi pembekal sebelum memutuskan sesuatu pembekal/ kontraktor.
- b) MDB hendaklah memastikan bahawa pembekal yang dipilih memiliki lesen/permit berkaitan bagi bidang khusus yang memerlukan lesen/permit mengikut peruntukan undang-undang seperti lesen daripada Kementerian Dalam Negeri untuk perkhidmatan kawalan keselamatan, lesen farmasi daripada Kementerian Kesihatan bagi bekalan ubat dan sebagainya.

PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR

3. Lantikan Pembekal/ Kontraktor secara sebut harga

- a) Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan oleh Kementerian Pahang hendaklah menyemak sijil-sijil berkaitan seperti Sijil Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB); Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK); Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan sijil-sijil berkenaan hendaklah masih berkuat kuasa.
- b) MDB juga digalakkan untuk membuat semakan dengan jabatan/ agensi yang pernah mendapatkan khidmat dari pembekal/ kontraktor yang dilantik berdasarkan senarai pengalaman yang dikemukakan semasa menyertai sebut harga.

SALURAN ADUAN & PERTANYAAN RASMI

Sebarang pertanyaan atau aduan pelanggaran terhadap polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Unit Audit Dalam dan Integriti

Majlis Daerah Bera

28200 Bera, Pahang

No Tel : 09-2501700

Emel : uadi@mdbera.gov.my

PENUTUP

Pelaksanaan polisi ini berkuat kuasa mulai tarikh polisi ini dikeluarkan. Dokumen ini merupakan azam berterusan MDB untuk meletakkan integriti sebagai teras utama dalam setiap urusan pentadbiran. Ia adalah satu janji bahawa setiap amanah yang digalas akan dilaksanakan dengan telus dan berintegriti.